

PEMBANGUNAN PERLOMBONGAN MINYAK DI SARAWAK: KEMAJUAN DAN CABARAN (1910 – 1974)

Suffian Mansor, Azlizan Mat Enh,
Zubaidah V. P. Hamzah & Mohamad Rodzi Abd. Razak

Abstrak

Salah satu galian penting dijumpai di Sarawak adalah minyak. Penemuan minyak di Sarawak ini telah memacu ekonomi Sarawak. Sejak industri ini beroperasi pada tahun 1910 menyaksikan Sarawak menjadi salah satu pengeluar utama minyak dunia. Walau bagaimanapun pengeluaran minyak di Sarawak menghadapi cabaran apabila jumlah pengeluarannya mula berkurangan pada akhir tahun 1920-an. Penurunan jumlah pengeluaran minyak ini tidak mematikan industri minyak Sarawak. Ia terus menjana pendapatan bagi negeri Sarawak sehingga pembentukan Malaysia. Objektif utama artikel ini ialah memaparkan perkembangan pengeluaran minyak di Sarawak. Dalam hal ini juga dibincangkan tentang bagaimana usaha-usaha memajukan industri ini dilakukan. Penulisan artikel ini berdasarkan kajian perpustakaan. Beberapa bahan-bahan primari digunakan terutama Sarawak Gazette. Manakala rujukan lain lebih kepada sumber-sumber sekunder. Dapatan daripada artikel ini menunjukkan perkembangan industri minyak Sarawak telah menunjukkan perkembangan pesat. Malahan ia mewarnai pelbagai bidang kemajuan lain di Sarawak seperti aspek teknologi dalam cari gali minyak di Sarawak.

Katakunci: Sarawak, minyak, Miri, Shell, Petroleum Development Act.

One of the important minerals found in Sarawak is oil. The discovery of oil in Sarawak had driven Sarawak's economy. Since the industry started operating in 1910, Sarawak had become one of the world's major oil producers. However, oil production in Sarawak faced challenges when its production volume began to decline in the late 1920s. This decrease in oil production did not end Sarawak's oil industry. It continued to generate income for the state of Sarawak until the formation of Malaysia. The main objective of this article is to display the development of oil production in Sarawak. In addition, the discussion also touches on efforts to develop this industry. The writing of this article is based on library research. Some

* Penulis ialah pensyarah di Program Sejarah, Fakulti Sains Social dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

primary materials are used, especially Sarawak Gazette. While other references are more to secondary sources. Findings from this article show that the development of Sarawak's oil industry has shown rapid development. In fact, it generated various other areas of development in Sarawak such as the technological aspect in oil exploration in Sarawak.

Keyword: Sarawak, oil, Miri, Bukit Kanada, SHELL, Petroleum Development Act.

Pengenalan

Salah satu sektor ekonomi penting di Sarawak adalah perlombongan minyak. Petroleum menjadi salah satu sumber ekonomi penting untuk pembangunan Sarawak sejak pemerintahan Brooke. Ia mula berkembang sejak pemerintahan raja kedua Sarawak terutama pada awal abad ke-20. Sejak itu sektor perlombongan minyak berkembang dengan pesat sehingga pembentukan Malaysia. Walaupun sepanjang era tersebut industri minyak mengalami turun naik pengeluarannya tetapi simpanan minyak Sarawak tidak pernah putus hingga ke hari ini. Sepanjang tempoh itu juga industri minyak Sarawak mengalami perubahan dan inovasi yang pesat. Pihak kerajaan daripada pihak penjajah sehingga Sarawak merdeka telah berjaya membantu pembangunan industri ini sehingga membawa kepada penemuan gas sebagai salah satu lagi industri penting bagi Sarawak. Cabaran juga besar bagi kedua-dua industri ini untuk berkembang. Ini kerana kos mencari minyak dan gas memerlukan perbelanjaan besar dan pada awalnya sering menemui kerugiaan besar untuk mencari simpanan bagi bahan galian ini. Selain itu ganggu harga minyak turun naik tidak menghalang perkembangan kedua-dua industri ini untuk berkembang. Perang juga menjadi cabaran besar kepada industri ini terutama meletusnya Perang Dunia Kedua di Pasifik.

Artikel ini cuba untuk meneliti dan menganalisis perkembangan industri minyak di Sarawak dari tahun 1910 hingga 1974. Sepanjang era itu perkembangan industri minyak menunjukkan pencapaian yang baik dan juga menempuh pelbagai cabaran. Perbincangan dalam artikel ini meliputi penemuan minyak di Sarawak pada awal abad ke-20. Ini termasuk perbincangan tentang penemuan minyak sebelum abad ke-20. Seterusnya membincangkan perkembangan pengeluaran minyak dan cabarannya dari pemerintahan Brooke hingga Sarawak mencapai kemerdekaan dalam pembentukan Malaysia. Perbincangan ini berhenti pada tahun 1974 kerana pada tahun tersebut kuasa dan hak keatas carigali hasil minyak Malaysia termasuk di Sarawak dikendalikan Syarikat Petroliaam Nasional Berhad (Petronas). Perbincangan akan lebih kepada bentuk kronologi dari tahun ke tahun. Sebelum menyentuh jauh tentang perkembangan industri ini pada awal abad ke-20 perlu dilihat dahulu latarbelakang penemuan minyak pada akhir abad ke-19.

Penemuan Simpanan Minyak

Persoalan tentang bila minyak dijumpai di Sarawak menjadi soalan yang sukar dijawab. Hanya catatan orang Barat sahaja menyatakan minyak telah dijumpai pada tahun 1874 di Miri

tetapi usaha mencarigali tidak dilakukan. Sementara itu penduduk tempatan di Miri terlebih dahulu mengetahui tentang adanya minyak di Sarawak. Hal ini diakui oleh salah seorang pegawai Brooke iaitu A. H. Everett. Beliau menyatakan bahawa telah muncul industri kecil dalam kalangan penduduk tempatan yang menggunakan minyak untuk kegunaan tempatan. Usaha mencari bahan ini dilakukan oleh orang Melayu Miri yang akan mengali lubang cetek di kawasan resapan minyak dan kemudian air akan membanjiri kawasan lubang. Kaedah ini menyebabkan minyak akan terapong dipermukaan air. Mereka kemudian akan menceduk menggunakan bekas labu atau kelapa. Kegunaan minyak ini adalah untuk memperbaiki perahu mereka, dan menyalakan api pada malam hari.¹

Residen Baram, C. de Crespigny sependapat dengan Everett dengan aktiviti penduduk tempatan dengan penemuan minyak di Miri. Beliau menyatakan sebanyak 18 telaga minyak digali oleh penduduk tempatan. Beliau juga berpendapat bahawa penduduk tempatan tidak sahaja menggunakan minyak tersebut untuk urusan tempatan. Ini kerana penduduk tempatan menjual minyak tersebut kepada pembeli yang berkehendakan bahan bakar tersebut.² De Crespigny jugalah orang bertanggung jawab dalam mencadangkan agar usaha bersungguh-sungguh untuk merekod simpanan minyak ini. Namun demikian cadangan beliau tidak mendapat perhatian daripada Raja Charles Brooke. Ini mungkin industri minyak belum lagi menjadi industri utama di dunia. Penggunaan arang batu sebagai bahan bakar masih lagi mendominasi pergerakan mesin dan pengangkutan di dunia ketika itu.

Usaha De Crespigny ini diteruskan oleh pengganti beliau. Dr Charles Hose yang dilantik menggantikan De Crespigny menjalan usaha lebih gigih dan dapat mengenal pasti beberapa kawasan resapan minyak. Hal ini telah dilaporkan oleh beliau kepada kerajaan Brooke. Tindakan diambil oleh kerajaan Brooke seterusnya ialah mendapat khidmat nasihat ahli geologi. Namun demikian geologi tersebut menyatakan simpanan itu tidak bersifat komersial. Pada tahun 1899 seorang ahli geologi bernama C. Schmidt yang melawat kawasan persisir Semanjung Klias, Teluk Padas dan Brunei telah melaporkan perlunya tinjauan di kawasan resapan minyak di Miri dan Sungai Baram.³ Hose percaya bahawa dengan pengurusan dan skil yang baik, minyak akan dapat dikeluarkan secara komersial. Beliau mendapat kebenaran daripada kerajaan Brooke untuk mengali minyak tetapi usaha beliau ini tidak berhasil. Kegagalan usaha ini tidak melemahkan semangat beliau dan beliau kemudiannya membuat peta daerah Baram dan menandakan kawasan resapan minyak

Pada tahun 1907 Hose membawa peta tersebut berjumpa dengan *the Anglo-Saxon Petroleum Company Limited* (ASPC) iaitu anak syarikat Shell. Semasa perjumpaan itu beliau juga menunjukkan sample minyak kepada ASPC. Perjumpaan ini menarik minat syarikat minyak tersebut untuk menjalankan operasi di Sarawak. Raja Charles Brooke juga bersetuju dalam rancangan ini dan telah menandatangani perjanjian dengan syarikat tersebut pada tahun 1909 di London. Perjanjian tersebut melibatkan hak konsesi dan pajakan kawasan minyak kepada syarikat tersebut. Pajakan itu dibuat untuk tempoh 75 tahun.⁴

1 Muhammad Anuar Adnan, 'The Petroleum Industry in Malaysia', Doctor of Philosophy in the University of London, June 1978, h.37.

2 *The Sarawak Gazette*, 1st September 1892, h.72.

3 Muhammad Anuar Adnan, 'The Petroleum Industry in Malaysia', h.40.

4 *The Sarawak Gazette*, November 1, 1927, h.278.

Perkembangan Awal Industri Minyak

Perjanjian antara kerajaan Brooke dan ASPC membawa kepada penghantaran pakar minyak iaitu Dr. Josef Theodore Erb ke Sarawak. Dr Erb telah mengesahkan kepada syarikat minyak tersebut tentang potensi minyak di Sarawak. Laporan daripada Dr Erb ini membawa kepada usaha pengerudian secara komersial dijalankan. Pada 10 Ogos 1910 usaha pengerudian sedalam 447 kaki dilakukan di Bukit Canada. Pada 22 Disember 1910 usaha mereka membuahkan hasil apabila Telaga Minyak Miri No.1 mengeluarkan minyak sebanyak 4 tan setiap hari atau 90 tong sehari.⁵ Telaga minyak pertama ini juga dinamakan sebagai *the Grand Old Lady*. Pada hari ini telaga minyak ini tidak lagi mengeluarkan minyak tetapi ia ditinggalkan sebagai kenangan dan warisan kepada masyarakat hari ini.

Kejayaan pengalihan telaga minyak pertama ini membawa kepada pengalihan beberapa lagi telaga minyak yang lain. Telaga minyak kedua digali pada April 1911 yang membawa kepada pengeluaran sebanyak 1,275 tong. Pada tahun 1912 pengeluarannya meningkat kepada 41,539 tong, dan ia terus meningkat pada tahun 1913 kepada 194,160 tong dari lapan telaga minyak yang digali. Pada tahun 1914 pula jumlah pengeluaran mencecah 472,948 tong.⁶ Pada tahun tersebut 16 telaga minyak dengan 14 telaga minyak mengeluarkan hasil. Dua lagi masih dalam pengerudian. Sehingga tahun 1920 sebanyak kira-kira 70 telaga minyak telah siap digali dengan purata pengeluaran sebanyak 2,200 tong. Pada tahun 1925 diperkenalkan *rotary drilling* untuk proses mencari kawasan simpanan minyak di Miri. Dari tahun 1926 hingga 1930 sebanyak 250 telaga telah digerudi yang membawa kepada jumlah keseluruhan 550 telaga minyak telah digali.⁷

Pada 20 Julai 1921, *the Sarawak Oilfields Limited* (SOL) menggantikan ASPC dalam mencari gali minyak di Sarawak.⁸ Penglibatan SOL ini memulakan usaha syarikat kerajaan negeri dalam membangunkan industri minyak di Sarawak. Sepanjang tahun 1920 sehingga 1930 pengeluaran minyak Sarawak secara purata adalah 2000 tan sehari. Apabila pengeluaran minyak ini mencapai angka satu juta tan pada tahun 1922, Raja Vyner Brooke mengucap tahniah kepada syarikat minyak tersebut; “[h]eartiest congratulations on completion of first million tons of oil in Sarawak. Friendly relations between Company and Government will always be encouraged by me, as brilliant future of oil means corresponding prosperity for Sarawak”.⁹ Kesan daripada pengeluaran minyak di Miri ini membawa kepada pembangunan bandar tersebut. Syarikat minyak mula menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan kepada pekerjaannya yang juga dinikmati oleh penduduk tempatan. Kemudahan-kemudahan kawasan riadah dan awam ini seperti padang golf, gelanggang tenis, kemudahan mandi laut, pawagam dan perkhidmatan bus telah disediakan.¹⁰

Pengeluaran minyak Sarawak pada tahun 1923 berjumlah 558,294.04 tan. Ketika itu sebanyak 130 telaga minyak mengeluarkan minyak mentah. Usaha diteruskan lagi dengan mengali 39 telaga baharu dengan kedalaman 51,504 kaki.¹¹ Pada tahun 1928 pengeluaran

5 Muhammad Anuar Adnan, ‘The Petroleum Industry in Malaysia’, h.46.

6 Ibid., h.47.

7 CO802/17 Annual Report of the Geological Survey Department for 1958.

8 The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 3 August 1922, h.7.

9 The Sarawak Gazette, August 1, 1922, h.200.


10 The Straits Times, 29 August 1921, h.10.

11 The Straits Times, 7 August 1924, h.8.

minyak adalah 739,258.64 tan dan turun sedikit tahun 1929 berjumlah 738,405.32 tan.¹² Pada era kemuncak ini pengeluaran purata sehari berjumlah 15,000 tong sehari. Jumlah ini mula menurun pada tahun berikutnya. Pada tahun 1930 jumlah pengeluaran minyak Sarawak keseluruhannya mula menurun kepada 688,424.15 tan.¹³ Penurunan ini boleh dilihat pada graf bar 1.1. Selepas itu pengeluarannya menurun sehingga meletus Perang Dunia Kedua. Sehingga sebelum pendudukan Jepun di Sarawak sebanyak 597 telaga minyak telah digali.¹⁴ Pada tahun 1930 itu juga menyaksikan kemelesetan ekonomi dunia yang menyebabkan usaha mencari atau mengerudi simpanan minyak ini terbatas. Pengerudian disambung semula pada lewat tahun 1931 yang hanya meliputi telaga minyak yang telah digali tetapi diperdalamkan lagi. Usaha mencari telaga minyak baharu bermula semula pada tahun 1936 dan berterusan hingga 1941.¹⁵

Disebalik kepesatan industri minyak ini terdaapt orangg yang diberitanggung jawab mencari simpanan minyak ini seperti T. E. G. Bailey. Beliau adalah ahli geologi ASPC yang ditugaskan mengesan dan mencari telaga minyak di Lembah Baram. Beliau bersama-sama pekerja daripada kaum Iban menjalankan kerja ini hingga ke dalam hutan. Eksplorasi beliau ini bermula pada tahun 1912 hingga 1915. Beliau juga dibantu oleh Gador iaitu orang Melayu dari Miri. Kerja-kerja beliau meliputi kawasan di Marudi hingga ke Sungai Bakong. Beliau banyak menjumpai resapan minyak (*seepages*). Namun demikian beliau meninggalkan Sarawak pada tahun 1915 dan dikatakan telah terbunuh semasa Perang Dunia Kedua. Hasil kerja beliau ini menjadi rujukan kepada usaha mencari minyak di Lembah Baram pada tahun-tahun 1920an dan 1930an.¹⁶

Graf 1.1 : Jumlah Pengeluaran Minyak Mengikut beberapa tahun (juta tan)



Sumber: CO802/1 Administration Report for 1931, Administration Report for 1932, Administration Report for 1935 dan Administration Report for 1936.

12 CO802/2 Administration Report for 1929.

13 CO802/2 Administration Report for 1930.

14 James C. Jackson, *Sarawak: A Geographical Survey of a developing state*, London: University of London Press Ltd., 1968, h.147.

15 CO802/17 Annual Report of the Geological Survey Department for 1958.

16 The Sarawak Gazette, July 31, 1964, h.171.

Pada tahun 1917 pula loji penapis minyak telah di bina di Miri. Dua tahun kemudian loji penapis minyak ini kemudiannya dipindahkan ke Lutong. Pada awalnya loji ini mempunyai satu unit penyulingan. Pada tahun 1922 dan 1924 pula dua lagi unit penyulingan disediakan di loji tersebut.¹⁷ Jumlah minyak mentah yang ditapis oleh loji ini meningkat tahun demi tahun iaitu 403,000 tan panjang (1922), 508,000 tan panjang (1923), 592,000 tan panjang (1924), 603,000 tan panjang (1925), 701,000 tan panjang (masing-masing 1926 dan 1927), 739,000 tan panjang (1928) dan 748,000 tan panjang (1929). Apabila pengeluaran minyak di Miri menurun selepas tahun 1929 maka jumlah penyulingannya menurun. Loji penapis minyak Lutong memberi juga khidmat penapisannya kepada lombong minyak di Seria, Brunei. Hal ini membantu loji penapisan minyak ini kembali dapat menapis minyak dalam kadar yang banyak sehingga pada tahun 1940 ia dapat menapis minyak sebanyak 1005,000 tan panjang. Kemudian turun semula pada tahun 1941 kepada 717,000 tan panjang.¹⁸

Satu peraturan telah dibuat di Lutong untuk mengelak kejadian kebakaran berlaku di loji tersebut.¹⁹ Ini kerana terdapat beberapa kejadian kebakaran berlaku di kawasan padang minyak Miri. Salah satu daripadanya adalah kebakaran tangki minyak di derik No.8 berlaku pada 3 April 1922 disebabkan oleh panah kilat dalam keadaan cuaca buruk di Miri. Kebakaran ini berjaya dipadamkan dengan segera.²⁰ Pada tahun 1928 pula stesen pengepam minyak terbakar di Miri. Sebab kebakaran ini tidak diketahui tetapi berkemungkinan akibat daripada tangki udara salah satu pam itu meletup. Walaupun kebakaran ini tidak besar tetapi ia telah merebak di longkang jalan dari Miri ke Pujut. Pihak bomba berjaya mengawal keadaan dan memadamkan api tersebut.²¹ Awal daripada itu iaitu pada 16 Mac 1919 satu kebakaran di salah satu kebun kepunyaan orang Cina hampir menyebabkan kebakaran di telaga nombor 68 Miri. Namun ia berjaya dipadamkan sebelum merebak ke telaga tersebut.²²

Selain cabaran kebakaran loji di Lutong ini juga menghadapi pemogokan pekerja Cina. Pada tahun 1915 berlaku pemogokan dari pekerja Cina yang dibawa daripada Singapura. Mereka menuntut gaji yang dijanjikan iaitu 60 sen sehari dan bukannya 45 sen yang diberikan kepada mereka. Untuk menyelesaikan isu ini dengan meneliti semula kontrak dan menangkap pihak yang membuat kacau.²³ Manakala pemogokan yang berlaku pada 15 Mac 1922 ini dikaitkan dengan pemogok meminta keadilan atas kematian salah seorang rakan mereka. Keadaan ini berjaya diselesaikan oleh pemimpin mereka sendiri, dan mereka kembali bekerja pada keesokan harinya.²⁴ Orang yang bertanggung jawab atas pemogokan ini telah didakwa dan salah seorangnya ialah Chang Swee Sang. Walau bagaimanapun mahkamah telah memutuskan beliau didapati tidak bersalah. Namun beliau kemudian dihantar ke Kuching untuk didipotasikan kerana cuba mengadakan pemogokan dalam satu mesyuarat di bazar, Miri.²⁵ Satu lagi pemogokan berlaku pada tahun 1928 tetapi berjaya di selesaikan.²⁶

17 Muhammad Anuar Adnan, 'The Petroleum Industry in Malaysia', h.138-139.

18 Ibid., h.140.

19 The Sarawak Gazette, June 1, 1928, h.122.

20 The Sarawak Gazette, June 1, 1922, h.156.

21 The Sarawak Gazette, November 1, 1928, h.240.

22 The Sarawak Gazette, June 16, 1919, h.163.

23 Malay Tribune, 10 June 1915, h.4.

24 The Sarawak Gazette, May 1, 1922, h.130.

25 The Sarawak Gazette, June 1, 1922, h.156.

26 The Sarawak Gazette, June 1, 1928, h.122.

Salah satu lagi cabaran kepada pengeluaran minyak di Miri ini ialah masalah penghantaran minyak ini ke kapal-kapal. Menurut Pengurus ASPC iaitu Andrew Agnew;

The coast of Sarawak is exposed to the north-east monsoon, and there were no protected harbours where deeply laden vessels might anchor in order to carry out loading operation. The difficulties in this respect have been overcome by the laying of a series of submarine pipe lines at the end of which have been built dolphins, where vessels can safely lie alongside and load from the shore tanks over two miles away.²⁷

Atas sebab itu maka usaha membina paip dasar laut telah dibuat bagi membawa minyak ke kapal-kapal tangka minyak. Pemasangan paip dasar laut itu yang mempunyai kepanjangan lebih 10,000 membolehkan minyak diangkut secara terus ke kapal tangka dengan kapasiti 2,500 tan. Pemasangan paip dasar laut yang memakan masa berbulan-bulan itu hanya siap pada September 1914. Kapal tangki pertama yang menerima pengisian minyak menerusi paip ini ialah M. V. Vanus.²⁸ Inovasi yang dilakukan oleh Syarikat Shell ini meletakkan Sarawak sebagai salah sebuah wilayah mempunyai teknologi tinggi dalam industri minyak pada masa itu. Salah satu lagi usaha membina paip dasar laut telah dibuat pada April 1919 dengan kepanjangan 10650 kaki panjang (dua batu).²⁹ Pemasangan paip dasar laut ini diteruskan lagi pada tahun 1927 dan telah siap pada 24 April 1927. Paip yang dibina itu mempunyai kepanjangan 14,000 kaki panjang dan 8 inci dalam diameter.³⁰ Manakala *Sea Line No.2A* pula dipasang pada 28 Julai 1928. Kepanjangannya adalah kira-kira 15,500 kaki.³¹ Bagi mencari simpanan minyak berterusan maka usaha digerakkan untuk mencari gali minyak di seluruh kawasan di Sarawak dari Kuching hingga ke Lawas. Pada ambang meletusnya Perang Dunia Kedua di Pasifik sebanyak 597 telaga minyak digali tetapi hanya 408 telaga minyak yang masih mengeluarkan minyak.

Keperluan minyak ini sebagai bahan bakar bukan sahaja memberi keuntungan semata-mata tetapi ia juga dilihat penting dalam aspek keselamatan. Ini menyebabkan usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan Brooke untuk membekalkan minyak kepada tentera laut British. Usaha ini dibuat dengan memetrikkan salah satu fasal dalam perjanjian konsesi awal tadi bagi memberi sejumlah simpanan minyak kepada tentera laut British. Untuk tujuan penyimpanan minyak mentah tersebut maka Singapura dipilih untuk menjadi tempat simpanan tersebut. Menerusi perjanjian antara Charles Brooke dengan ASPC pada tahun 1909 dinyatakan sebanyak 10,000 tan minyak mentah kepada tentera laut British.³² Industri minyak Sarawak kembali menjadi topik perbincangan dalam politik empayar British di Asia apabila ketegangan antara China dan Jepun menjadi perang besar. Titik pencetus perang ini ialah insiden di Jambatan Marco Polo pada 1937.³³ Pihak British memerhati situasi ini dan

27 The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 16 September 1922, h.12.

28 Malay Tribune, 26 February 1915, h.11.

29 The Sarawak Gazette, June 2, 1919, h.147.

30 The Sarawak Gazette, July 8, 1927, h.182.

31 The Sarawak Gazette, September 1, 1928, h.198.

32 *The Sarawak Gazette*, November 1, 1927, h.278.

33 Rana Mitter, *China's War with Japan 1937-1945: The Struggle for Survival*, London: Penguin Books, 2013, h.74.

pada tahun 1940 merancang melancarkan *Denial Scheme* di Sarawak untuk memusnahkan kemudahan telaga-telaga minyak di Sarawak. Objektif skim ini adalah seperti berikut:

1. Menghalang musuh daripada menggunakan minyak yang telah ditapis dengan segera yang kemungkinan dalam simpanan.
2. Menghalang mereka menjalankan operasi penapisan dalam jangka masa kira-kira tiga bulan.
3. Memusnahkan jaringan pemuatan laut (*sea loading lines*) yang membolehkan minyak mentah tidak dapat sedia diangkut ke kapal tangki.³⁴

Usaha untuk memusnahkan kemudahan telaga minyak ini dilakukan oleh detasmen Regimen Punjab 1/15 dibawah Pegawai Pemerintah Kumpulan, Mejar Slatter. Program ini menyebabkan Lutong diselubungi dengan api dan awan hitam menutupi lapangan minyak Miri termasuk Seria di Brunei.³⁵ Manakala peralatan penting dalam pengeluaran minyak itu telah dibawa ke Singapura. Pada masa itu sebanyak 408 telaga dari 597 telaga mengeluarkan kira-kira 3000 tong minyak setiap hari.

Dari pendudukan Jepun hingga Tanah Jajahan

Semasa pendudukan Jepun, usaha memulih telaga minyak yang musnah tersebut telah dijalankan. Usaha ini tidak mengambil masa yang lama untuk membolehkan telaga minyak itu beroperasi. Ini kerana Jepun berjaya mengesan semula peralatan operasi minyak Miri yang disembunyikan di Singapura. Pengeluaran minyak ini mula beroperasi pada awal tahun 1942. Sepanjang pendudukan di Sarawak, tentera Jepun berjaya mengeluarkan di lapangan minyak Miri sebanyak 112700 tong minyak mentah. Apabila Jepun hampir kalah dan terpaksa menyerah kalah, tentera Jepun juga memastikan lapangan minyak Miri tidak berfungsi. Tindakan megebom Miri menambahkan kerosakan pada lapangan minyak Miri.³⁶

Hanya pada September 1945, Tentera Australia yang diberi tugas memulihkan pentadbiran dan keadaan sosio-ekonomi Sarawak selepas perang. Tentera Australia dan pasukan teknikal Syarikat Shell mengambil inisiatif memulihkan 377 telaga minyak Miri yang terbakar.³⁷ Pada akhir tahun 1945, pengeluaran minyak di Miri mula beroperasi. Pada peringkat awal pengeluarannya menunjukkan jumlah yang memberangsangkan walaupun tidak dapat mengatasi pengeluaran pada tahun 1928 dan awal tahun 1930an. Jumlah pengeluarannya (minyak mentah dan penapisan) dilihat bertambah dari tahun ke tahun sehingga menurun sedikit pada tahun 1952. Hal ini boleh dilihat pada graf 1.2.


34 CO961/15/5 Sarawak Denial Scheme, 7th January, 1941.

35 Julitta Lim Shau Hua, *Pussy's in the well*, Kuching: Research Resource Centre, SUPP Headquarters, 2005, h.89-90.

36 Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*, Oxford: Oxford University Press, 1997, h.234.

37 Muhammad Anuar Adnan, 'The Petroleum Industry in Malaysia', h.60.

Graf 1.2 : Jumlah Pengeluaran Minyak Mentah dan Penapisan Mengikut beberapa tahun (juta tan)



Sumber: CO802/5 Annual Report of the Trade and Customs Department for the Year 1949, CO802/5 Annual Report on the Trade and Customs Department for the Year 1950, CO802/8 Annual Report on the Trade and Customs Department for the Year 1951, CO802/9 Annual Report on the Trade and Customs Department for the Year 1952 dan CO802/10 Annual Report on the Trade and Customs Department for the Year 1953.

Loji penapisan minyak di Lutong juga kembali beroperasi semula. Kepsiti loji ini menjalankan proses penyulingan mampu memproses minyak mentah bagi Miri dan Seria sekali. Pengeluaran minyak mentah di Seria yang banyak membantu loji ini memproses minyak mentah dalam kadar yang besar. Sepanjang pemerintahan British di Sarawak ini loji ini masih mampu memproses minyak mentah sekitar 100,000 tan panjang ke 500,000 tan panjang lebih minyak mentah daripada kedua-dua lombong minyak tersebut.³⁸

Apabila simpanan minyak di Miri mula menunjukkan tanda-tanda kehausan, usaha telah dilakukan untuk mengesan simpanan minyak di daratan. Eksplorasi mencari simpanan minyak diteruskan dengan kajian seismic dan graviti di Bahagian Keempat. Pengerudian juga dibuat pada tahun 1951 di Bulak Satap 3 dan Subis 2.³⁹ Pengerudian bagi Bulak Setap 3 bermula pada Ogos 1951 dan bagi Subis 2 pula lebih awal iaitu Mac 1951.⁴⁰ Namun demikian hasil pengerudian kedalaman lebih dari 9000 kaki bagi kedua-dua tempat ini tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Setelah mengerudi sedalam 11,000 kaki di kedua-dua kawasan tersebut maka operasi mencari minyak di kedua-dua kawasan ini ditamatkan.⁴¹ Subis 2 ditutup lebih

38 Lihat Table 5.1 dalam Muhammad Anuar Adnan, 'The Petroleum Industry in Malaysia', h.141.

39 The Sarawak Gazette, May 31, 1952, h.107.

40 The Sarawak Gazette, April 30, 1953, h.66.

41 The Sarawak Gazette, February 27, 1953, h.33.

awal iaitu pada Mac 1953 dengan melibatkan kos pengeluaran sebanyak \$3,200,000. Bulak Satap 3 pula ditutup pada Disember 1952 yang menelan kos sebanyak \$4,200,000.⁴² Usaha diteruskan pada tahun 1952 untuk mengerudi kawasan teras di Suai dan kawasan baharu di Luak dan Tudan.⁴³ Tumpuan juga di empat kawasan dekat Kuala Bakong dan berdekatan Ridan iaitu kawasan antara Marudi dan Labi.⁴⁴

Apabila usaha mencari simpanan minyak mentah di daratan tidak menunjukkan hasil yang memuaskan maka usaha mula dialih ke kawasan luar pantai Sarawak. Usaha ini dilakukan pada tahun 1956 itu pada awalnya menemui cabaran besar. Pelantar tetap di bina di Siwa 24 km barat daya Miri. Namun demikian ia tidak dapat mendatangkan hasil yang diharapkan. Walaupun menemui kegagalan usaha terus dilakukan untuk mencari simpanan minyak kawasan laut. Pada tahun 1961 bot pengerudi mudah alih yang dikenali sebagai *Orient Explorer* telah digunakan. Antara pertengahan 1961 dan awal tahun 1963 sebanyak sembilan telaga digerudi. Pelantar terapong yang dikenali sebagai *Sidewinder* telah digunakan pada tahun 1962.⁴⁵ Pada tahun 1962 mereka berjaya mengesan minyak kawasan laut iaitu di Temana.

Namun demikian kawasan daratan Sarawak ini masih mampu mengeluarkan minyak secara komersial walaupun mengalami penurunan. Jikalau pada tahun 1956 pengeluarannya adalah sebanyak 1400 tong setiap hari, tetapi jumlah ini turun kepada bawah 1000 tong sehari pada tahun 1963.⁴⁶ Walaupun simpanan dan pengeluaran minyak Sarawak tidak lagi menjadi sumber besar kepada Sarawak namun terdapat usaha untuk mengubal akta tentang minyak di Sarawak. Pada tahun 1958 Sarawak telah mempunyai akta sendiri tentang minyak iaitu *Oil Mining Ordinance* (OMO).⁴⁷ Ordinan ini memberi kuasa kepada kerajaan Sarawak dalam urusan mengenai simpanan dan pengeluaran minyak di Sarawak.

Jumpaan Minyak Selepas Merdeka

Pada penghujung tahun 1963 terdapat hanya 175 telaga dari 629 telaga sahaja yang mengeluarkan minyak.⁴⁸ Usaha-usaha mencari simpanan minyak di persisir pantai Sarawak ini diteruskan selepas Sarawak merdeka dalam pembentukan Malaysia. Beberapa telaga minyak dijumpai seperti di Tukai, Lutong Barat (1966), Baronia dan Baram B (1967), Betty (1968), Bakau dan Bokor (1971), Fairley Baram dan Siwa (1973), Bayan (1976) dan J4 (1978). Penemuan minyak di laut ini membawa kepada penemuan simpanan gas di zon luar persisir Bintulu. Penemuan ini membawa kepada kemajuan di Bintulu. Jumpaan gas terbesar dijumpai pada tahun 1974 ialah kawasan perairan Sarawak yang ditanda sebagai Shell F atau Luconia. Simpanan ini dianggarkan sebanyak 6 trilion kaki padu.⁴⁹

42 The Sarawak Gazette, April 30, 1953, h.66.

43 The Sarawak Gazette, August 1952, h.190.

44 The Sarawak Gazette, February 27, 1953, h.33.

45 James C. Jackson, *Sarawak: A Geographical Survey of a developing state*, h.149.

46 Muhammad Anuar Adnan, 'The Petroleum Industry in Malaysia', h.117.

47 Council Negri Debates, Fourth Meeting of the First Session of the Third Council Negri, Kuching, 7th, 8th and 9th May 1958, h.11.

48 Muhammad Anuar Adnan, 'The Petroleum Industry in Malaysia', h.119.

49 Ibid., h.111.

Manakala telaga minyak daratan di Miri terus menunjukkan pengeluaran yang merosot. Pada tahun 1972 daripada 609 digerudi hanya 90 telaga sahaja yang mengeluarkan minyak. Selepas tahun tersebut hanya pengeluarannya jatuh kepada 450 tong sehari dan terus merosot. Selepas 62 tahun pengeluaran minyak di kawasan daratan Miri yang mula kehausan maka Shell Sarawak membuat keputusan untuk menutup telaga minyak daratan tersebut. Penutupan telaga minyak daratan ini tidak memberi impak besar kepada syarikat minyak Sarawak kerana pengeluaran di minyak di persisir laut memberi keuntungan besar dengan pengeluaran sebanyak 95,000 sehari.⁵⁰ Untuk mengurus industri minyak ini kerajaan Malaysia membentuk beberapa undang-undang berkenaan pengeluaranminyak ini iaitu:⁵¹

1. The Continental Act, 1966
2. The Petroleum Mining Act, 1966
3. The Petroleum (Income Tax) Act, 1967 yang mana telah ditambah baik menerusi The Petroleum (Income Tax) Amendment Act, 1967.
4. Petroleum Mining Rules, 1968.

Undang-undang dan peraturan ini dibentuk berdasarkan laporan Walter J. Levy. Kerajaan Malaysia telah meminta nasihat dari syarikat perundingan Levy ini. Hampir sebelas tahun selepas Malaysia dibentuk iaitu pada tahun 1974, Parlimen pula mengubal undang-undang tentang minyak yang dikenali sebagai *Petroleum Development Act* (PDA). PDA memberi hak kepada Petroleum Nasional Berhad atau Petronas tentang minyak di Malaysia.

Kesimpulan

Jumpaannya minyak di Miri memetakan Sarawak sebagai pengeluar minyak dunia. Simpanan minyak di daratan ini membantu perkembangan bandar Miri dan membangunkan ekonomi Sarawak. Pengeluarannya pada awalnya menunjukkan satu peningkatan yang menguntungkan. Saban hari telaga minyak Miri mengeluarkan keluaran yang banyak. Minyak ini juga membawa pembinaan loji penapisan minyak di Lutong. Loji ini juga menjadi loji menapis minyak yang dikeluarkan di Miri dan Brunei. Namun demikian pengeluaran minyak Miri ini tidak berpanjangnya meningkat. Ia kemudiannya turun paras yang agak rendah. Namun simpanan minyak Sarawak masih menyumbangkan keuntungan besar kepada Sarawak. Hal ini menyebabkan ia menjadi sasaran untuk tentera Jepun menguasainya. Apa yang menarik adalah pengeluaran minyak Sarawak selepas Perang Dunia Kedua kembali ke tahap yang menguntungkan walaupun tidak dapat mengatasi kemuncaknya pada tahun 1929. Keadaan ini tidak berpanjangan juga kerana pengeluarannya menurun pada awal tahun 1950-an. Usaha terus dilakukan untuk mengeluarkan minyak di daratan hingga membawa usaha eksplorasi di laut. Aktiviti untuk mengeluarkan minyak di laut ini menempuh beberapa cabaran tetapi ia mula menampakkan kejayaan sehingga Sarawak merdeka dalam pembentukan Malaysia. Walaupun pengeluaran minyak Sarawak ini tidaklah sebanyak semasa zaman Brooke tetapi simpanannya masih menyumbang pembangunan ekonomi Malaysia hingga ke hari ini.

50 The Straits Times, 20 October 1972, h.14.

51 "Development of the Malaysia Petroleum Industry", Asiah Abu Samah et al (eds.), *Kemajuan dan Pembangunan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1978, h.78.

PEMBANGUNAN PERLOMBONGAN MINYAK DI SARAWAK:
KEMAJUAN DAN CABARAN (1910 – 1974)

Dalam perkembangan pengeluaran minyak di Sarawak ini telah wujud beberapa akta untuk menjaga dan mengurus pengeluaran minyak ini. Sebelum merdeka Sarawak telah mempunyai ordinan menjaga hak mereka atas minyak ini. Selepas merdeka pula kerajaan Malaysia merangka dan membentuk undang-undang tersendiri mengurus hasil keluaran minyak ini. Usaha lebih bersepadu dilakukan oleh kerajaan Malaysia dalam hal ini ialah mewartakan Akta Pembangunan Petroleum (PDA) pada tahun 1974. Akta ini membawa kewujudan Petronas yang mempunyai kuasa besar dalam mengurus soal minyak negara termasuk Sarawak.